

**Parlimen:Tentangan Kesatuan Sekerja, Persepsi Negatif Awam Penyebab
Pertukaran Saham MAS-Air Asia Dibatalkan
Bernama
13 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR,13 Jun(Bernama)-- Tentangan daripada kesatuan sekerja Syarikat Penerbangan Malaysia Bhd(MAS) dan persepsi negatif pihak awam antara faktor yang mendorong pembatalan perjanjian pertukaran saham antara MAS dengan AirAsia (Tune Air).

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata sejak pelaksanaan pertukaran saham tersebut, beberapa kesatuan sekerja MAS tidak memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pengurusan MAS dan telah menentang beberapa usaha perubahan drastik tetapi penting untuk memulihkan syarikat itu.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan Hee Loy Sian (PKR-Petaling Jaya Selatan) yang meminta penjelasan mengenai status hasil siasatan oleh Suruhanjaya Sekuriti dalam perjanjian pertukaran saham itu dan faktor yang menyebabkan pembatalan pertukaran saham berkenaan.

Perdana Menteri berkata persepsi negatif tentang pakatan harga dan tanggapan amalan anti persaingan juga telah mengakibatkan tanggapan negatif daripada pihak awam tentang pertukaran saham tersebut.

"Hal ini telah memberi tekanan dan mengganggu tumpuan pengurusan MAS kepada usaha untuk memulihkan syarikat tersebut.

"Hasilnya pada 2Mei2012, Khazanah(Nasional Bhd) telah bersetuju untuk membatalkan pertukaran saham tersebut atas sebab ingin memberi peluang kepada pengurusan MAS untuk menumpukan kepada usaha pemulihan syarikat selain meneruskan pelbagai inisiatif kolaborasi untuk mencapai faedah-faedah sinergi yang telah dikenalpasti," katanya.

Dalam pada itu Najib berkata, perjanjian pertukaran saham antara kedua dua syarikat berkenaan tidak tertakluk kepada penyiasatan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=672801>